

Transformasi Geopolitik Perak: Dinamika Persempadanan dari Era Kesultanan ke Pascamerdeka

Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria¹, Zaidin Mohd Noor²

¹Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,

35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

²Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia

email: farhan.abdullah@fsk.upsi.edu.my

Published: 23 December 2024

To cite this article (APA): Abdullah @ Zakaria, A. F., & Mohd Noor, Z. (2024). Transformasi geopolitik Perak: Dinamika persempadanan dari era kesultanan ke pascamerdeka. *Munsysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(2), 39–59. <https://doi.org/10.37134/munsysi.vol2.2.4.2024>

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengupas perkembangan persempadanan Perak sejak diasaskan oleh Sultan Mudzaffar Shah pada 1528, ekoran pengkaji terdahulu kurang memberi perhatian terhadap aspek ini dari abad ke-16 hingga abad ke-20. Objektif kajian ialah menilai perkembangan persempadanan Perak dalam tiga era utama: kesultanan sebelum penjajahan (1528-1874), penjajahan (1874-1957) dan pascamerdeka (1957-kini, 2024). Metodologi kajian digunakan ialah Reka Bentuk Penyelidikan Bawang Saunders, menggabungkan kaedah kuantitatif dengan kualitatif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa persempadanan Perak melalui proses perkembangan dan pengecutan dipengaruhi oleh dinamik politik dalaman dan hubungan luar. Kehadiran British pada abad ke-20 memperkuuhkan persempadanan antara Perak dengan Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Pahang, Selangor dan Reman. Persempadanan ini berterusan hingga kini dengan beberapa pindaan, bertujuan meningkatkan kecekapan pentadbiran, pembangunan ekonomi dan sosioekonomi, dan kesejahteraan sosial Perak. Kajian ini memberi perspektif baharu terhadap kesan sejarah persempadanan pembangunan Perak.

Kata Kunci: British, Malaysia, Perak, Persempadanan, Pentadbiran

Abstract

This study examines the development of Perak's territorial boundaries since its establishment by Sultan Mudzaffar Shah in 1528, addressing the lack of attention given by previous researchers to this aspect between the 16th and 20th centuries. The study's objective is to assess the evolution of Perak's boundaries across three key eras: the pre-colonial sultanate (1528–1874), the colonial period (1874–1957), and the post-independence era (1957–present, 2024). The research methodology employs Saunders' Research Onion Design, integrating both quantitative and qualitative approaches. Findings reveal that Perak's boundaries underwent expansion and contraction, influenced by internal political dynamics and external relations. British intervention in the 20th century solidified Perak's borders with Penang, Kedah, Kelantan, Pahang, Selangor and Reman. These borders, with minor adjustments, have

persisted to enhance administrative efficiency, economic and socio-economic development, and social welfare in Perak. This study offers a fresh perspective on the historical impact of boundary delineation on Perak's development.

Keywords: British, Malaysia, Perak, Boundary, Administration.

Pendahuluan

Perbincangan di dalam makalah ini meliputi perkembangan yang berlaku sejak abad ke-16 sehingga abad ke-20. Isu utama yang ditumpukan adalah tentang aspek sempadan sebelum, semasa dan selepas penjajahan. Fokus perbincangan adalah kepada persempadan Perak yang berubah akibat daripada percaturan kuasa dan konflik yang berlaku dalam tempoh berkenaan. Sejarah sempadan Perak yang dibincangkan memperlihatkan isu penting berkaitan geopolitik yang mempengaruhi tindak tanduk pihak berkuasa lokal dan juga kuasa antarabangsa di rantau ini.

Latar Belakang

....Sesebuah negeri lazimnya dibentuk apabila seorang raja menguasai sebuah lembangan sungai utama atau beberapa buah lembah sungai.¹

Penulis bersetuju dengan pandangan Nizamuddin & Haniff bahawa pembentukan sebuah entiti politik berlaku akibat seorang raja berdaulat diiktiraf oleh penduduk tempatan menguasai sebatang atau beberapa batang sungai dalam entiti politik ditetapkan.² Shubungan itu pemakalah berpendapat, berbeza daripada pandangan rata-rata pengkaji terdahulu, bahawa kerajaan Melayu yang wujud di Alam Melayu sebelum penjajahan kuasa Eropah dan Asia Timur memiliki persempadan sah dan rasmi. Namun, persempadan ini sering kali diperoleh melalui perperangan, dianggap sebagai metod sesuai, sah dan relevan untuk memperluas pengaruh dan memperkembangkan entiti politik baharu demi memperkuuhkan tanah jajahan masing-masing. Kebanyakan rekod berkaitan Perak, salah sebuah negeri kaya dengan sejarah geopolitik dan lokasi strategik di Tanah Melayu, khususnya mengenai persempadan menjadikan sebagai salah satu entiti politik penting dalam landskap sejarah Malaysia, dicatat dan disimpan di Arkib Negara Malaysia dan the National Archives of the United Kingdom, dihasilkan oleh penduduk tempatan dan pegawai British. Rata-rata pengkaji terdahulu kurang memberi perhatian mengenai persempadan Perak dari abad ke-16 hingga abad ke-20, mengakibatkan maklumat penting kurang didedahkan, menimbulkan persoalan seperti, “adakah benar kerajaan-kerajaan di Tanah Melayu tidak memiliki persempadan?” dan “adakah benar British bertanggungjawab mencipta persempadan bagi kerajaan-kerajaan tersebut?”. Berasaskan kepada Reka Bentuk Penyelidikan Bawang Saunders, makalah ini mengemukakan pandangan baharu bahawa Perak memiliki persempadan tersendiri dan melalui perubahan ketara dari abad ke-16 hingga abad ke-20, melahirkan persempadan kini. Kajian ini bertujuan bukan sahaja meluruskan naratif kurang diketahui, tetapi menonjolkan faktor pentadbiran, politik, ekonomi, sosioekonomi dan sosial mempengaruhi perkembangan tersebut.

Berdasarkan permasalahan kajian diutarakan, kami menggariskan tiga objektif kajian. Pertama, menilai perkembangan persempadan Perak era kesultanan sebelum penjajahan dari 1528 hingga 1874, bertujuan menentukan sama ada ciri-ciri geografi tertentu dapat diiktiraf sebagai

garis persempadan rasmi atau tidak, dalam konteks geopolitik Perak sebelum kehadiran kuasa British. Kedua, menilai perkembangan persempadan Perak era penjajahan dari 1874 hingga 1957, melibatkan pemerhatian terhadap sama ada elemen geografi tertentu diangkat sebagai garis persempadan rasmi atau sebaliknya ketika Perak di bawah penjajahan British (1874-1942 & 1945-1957) dan Jepun (1942-1945). Ketiga, menilai perkembangan persempadan Perak era pascamerdeka dari 1957 hingga 1999, menumpukan kesinambungan atau perubahan garis persempadan ditetapkan era penjajahan khususnya Perak dengan negeri-negeri jiran.

Kajian lepas mengenai persempadan Perak dari abad ke-16 hingga abad ke-20 menunjukkan perkembangan kompleks merentas empat era utama, dengan setiap satu memberikan perspektif unik, tetapi masih terdapat beberapa kekuatan, kelemahan dan jurang perlu diperhalusi. Dalam era sebelum Perak sebagai sebuah kerajaan, Adnan, Khairi, Nabir & Mohamad Kamal menekankan kepentingan hubungan geopolitik awal antara Perak dengan kerajaan-kerajaan lain seperti Melaka.³ Sebelum era penjajahan, Shuwaibah & Shakila, Siti Noor Hafizah, N. Habibah, Rahim & Shahidi, Shuwaibah & Zulkanain dan Ahmad Faizal menunjukkan bahawa pembentukan persempadan Perak melalui pengenalan daerah seperti Hilir Perak dan Hulu Perak oleh Sultan Mudzaffar Shah dan sultan-sultan perak seterusnya, bertujuan mengukuhkan pentadbiran dan ekonomi walaupun menghadapi konflik khususnya Selangor, Kedah dan Reman.⁴ Ketika era penjajahan, perubahan sempadan dan daerah akibat eksplorasi kolonial seperti persempadan antara daerah Hulu Perak dengan Reman, disentuh oleh Shuwaibah & Shakila, N. Habibah, Shuwaibah & Zulkanain dan Rahim & Shahidi menerusi peranan British dalam struktur pentadbiran.⁵ Selepas mencapai kemerdekaan, kajian ini terlalu terhad, tetapi penyelidikan berkisar kepada usaha menyesuaikan Perak sebagai sebahagian daripada Persekutuan Malaysia, dan pemantapan Ipoh sebagai sebuah bandaraya dihuraikan oleh Mohd Hairy, Jamaluddin, Abdul Samad & Khairi.⁶ Analisis menunjukkan jurang utama dalam kajian ialah kekurangan perhatian kepada faktor pentadbiran, ekonomi, sosioekonomi, sosial dan politik, dan peranan masyarakat tempatan dalam membentuk dan menyesuaikan persempadan pada tempoh ditetapkan. Justifikasi bagi kajian baharu adalah penting untuk mengisi jurang ini, dengan menggunakan Reka Bentuk Penyelidikan Bawang Saunders yang memanfaatkan data sejarah dan analisis sosioekonomi moden agar naratif persempadan Perak lebih inklusif dan relevan dalam konteks sejarah dan masa kini.

Penggunaan Reka Bentuk Penyelidikan Bawang Saunders dalam kajian ini merangkumi enam lapisan sebagai metodologi kajian. Lapisan pertama, falsafah kajian, menggunakan falsafah pragmatisme, menggabungkan pelbagai pendekatan untuk memastikan hasil kajian memberi jawapan bersifat praktikal dan sesuai dengan konteks kajian. Lapisan kedua, menggunakan kaedah abduktif, digabungkan dengan teori geopolitik diasaskan oleh Friedrich Ratzel dan kaedah triangulasi merangkumi dokumen, temu bual dan pemerhatian untuk menilai pengaruh faktor geografi, pentadbiran dan politik dalam pembentukan dan perkembangan persempadan Perak pada tempoh ditetapkan, dengan mengemukakan hipotesis bahawa, “persempadan Perak mengalami perubahan signifikan akibat transisi pentadbiran kesultanan, penjajahan dan pascamerdeka, mencerminkan interaksi kompleks antara geopolitik dengan sosioekonomi”. Lapisan ketiga, pilihan kajian digunakan ialah kaedah campuran kompleks merangkumi kuantitatif dan kualitatif. Lapisan keempat, strategi kajian digunakan ialah pengesahan konstruk ke atas teori geopolitik melalui kajian kes kolektif, memfokus antara Perak dengan Kedah, Patani, Pahang, Johor, Selangor, Pulau Pinang, Dinding, Kelantan, Nakhon Si Thammarat, Songkhla dan Narathiwat, bertujuan meneroka dan menemukan jawapan lokasi sesuai sebagai garis persempadan sepanjang tempoh dinyatakan. Lapisan kelima, ufuk masa kajian digunakan ialah berpanjangan rentasan, atas alasan kajian ini mempunyai tempoh

panjang iaitu selama empat abad. Lapisan terakhir, teknik dan prosedur kajian, dibahagikan kepada dua bahagian, teknik memfokus kepada pengumpulan data-data primer diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, the National Archives of the United Kingdom, the British Library dan the National University of Singapore Central Library. Sumber-sumber digunakan ialah CO 273, CO 275, CO 438, CO 717, CO 1071, FCO 141, FO 69, FO 93, FO 422, FO 881, A/SUK, B/SUK, P/HCO, P/PPM dan P/SP. Manakala data-data sekunder pula, didapatkan daripada Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Tan Sri Omar Mohd Hashim Persatuan Sejarah Malaysia. Sementara itu, kami mendapatkan data-data melalui temu bual terhadap seseorang berkait rapat dengan kajian ini, dan pemerhatian ke atas kawasan-kawasan kajian seperti Sungai Kerian, Sungai Kurau, Sungai Bernam, Sungai Perak, Sungai Selangor dan Banjaran Titiwangsa. Bahagian kedua, prosedur, kami menggunakan surat-menyurat, laporan-laporan dan minit-minit mesyuarat untuk dianalisis (satu bahan), disintesis (lebih satu bahan) dan diinterpretasi untuk menjawab objektif-objektif kajian dikemukakan. Kami bertunjangkan sumber primer untuk menghasilkan kajian ini. Kami berpendapat bahawa British meneruskan persempadanan sedia ada dikendalikan oleh pentadbir-pentadbir terdahulu, dan hanya menyeragamkan dan memperkuuhkan garis-garis tersebut demi membangunkan Perak dari masa ke masa. Antara garis persempadanan berstatus “kuno” adalah Gunung Jambul Merak, Gunung Inas, legeh Sungai Kurau, legeh Sungai Perak dan legeh-legeh sungai di Banjaran Titiwangsa.

Perak, asalnya merupakan sebuah kerajaan atau *kingdom* (1528) di Tanah Melayu, kemudian berubah status kepada negeri atau *state* (1874) sejak Negeri-Negeri Melayu Lindungan British (1874-1895), kemudian, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1895-1942), Pentadbiran Tentera Jepun (1942-1945), Pentadbiran Tentera British (1945-1946), Malayan Union (1946-1948) dan Persekutuan Tanah Melayu (1948-1963), terus kekal hingga kini, Persekutuan Malaysia (1963), memiliki sistem pentadbiran efisien merangkumi pendekatan pentadbiran kerajaan dan istana, dan mempunyai persempadanan tersendiri, bertujuan membezakan entiti politik dengan lain. Kajian sejarah persempadanan Perak bukan sahaja penting dalam memahami konteks geopolitik dan kuasa-kuasa sebelum penjajahan di Tanah Melayu, tetapi relevan menjelaskan isu-isu kontemporari seperti hubungan antara negeri, semangat federalisme dan keadilan pembahagian sumber dalam Malaysia moden. Pemahaman mendalam terhadap sejarah ini menyumbang kepada dialog lebih bermakna dalam menyelesaikan persoalan persempadanan negeri, hak autonomi dan pengurusan sumber negeri-negeri di bawah kerangka Perlembagaan Persekutuan (1948). Kami mengemukakan empat bahagian, bertujuan mengupas tuntutan dilontarkan sebelum ini. Pertama, persempadanan sebelum Perak membentuk kerajaan, menumpukan kepada sebelum pembentukan kerajaan Melaka merangkumi Beruas dan Manjung, dan penggabungan Beruas, Manjung dan Selangor dalam Melaka. Kedua, persempadanan Perak sebelum era penjajahan, menekankan kepada penggabungan Beruas dan Manjung dalam pembentukan Perak, kluasan tanah jajahan Perak dan hubungan dengan Kedah (1528), Patani (1528-1810), Pahang (1528-1615), Johor (1615-1857), Selangor (1766), Kelantan (1801) dan Reman (1810-1896). Ketiga, persempadanan Perak era penjajahan, menumpukan kepada peralihan dari kerajaan kepada negeri, transisi penjajahan dilalui Perak, kluasan tanah jajahan Perak secara umum, Kedah, Selangor, Kelantan, Reman, Pulau Pinang dan Dinding (1874), Pahang (1888), Nakhon Si Thammarat (1896-1932), Songkhla (1932) dan Narathiwat (1932). Akhir sekali, persempadanan Perak era pascamerdeka, memfokus kepada mencapai kemerdekaan pada 1957, Perak dalam Malaysia (1963), kluasan tanah jajahan Perak secara umum, Kedah, Selangor, Kelantan, Pulau Pinang, Pahang, Songkhla dan Narathiwat.

Sebelum Era Penjajahan: Pembentukan dan Perkembangan Persempadanan Perak

Beruas dan Manjung, sebelum ini berstatus jajahan dalam pentadbiran Melaka, berubah kepada sebuah kerajaan baharu di Tanah Melayu dikenali sebagai Perak pada 1528. Atas permohonan Tun Saban, salah seorang berpengaruh di kawasan Hulu Perak, Beruas dan Manjung, Raja Mudzaffar Shah disingkirkan kedudukannya oleh Sultan Mahmud Syah, atas saranan Tun Fatimah, diberikan kepada adindanya, Raja Ali, berpeluang diangkat dan diiktiraf sebagai Sultan Perak pada 1528.⁷ Peluang ini memberi ruang kepada Sultan Mudzaffar Shah bersaing dengan Sultan Alauddin Riayat Shah, pengasas kesultanan Johor pada 1528, tetapi kurang berjaya, atas alasan entiti-politik sebelum ini di bawah pentadbiran Melaka menundukkan taat setia kepada Johor secara berperingkat. Walaupun begitu, Perak kekal berdiri kukuh sebagai sebuah kerajaan berasingan dengan Johor, dan menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman antaranya diserang oleh Portugis, Aceh, Belanda, Selangor, Kedah dan Rattanakosin dari abad ke-16 hingga abad ke-19.

Perak memiliki keluasan tanah jajahan tersendiri. Secara umumnya, keluasan tanah jajahan Perak merangkumi Sungai Kurau hingga Sungai Selangor, kemudian dipendekkan jaraknya hingga Sungai Bernam pada 1728, dan legeh-legeh sungai di Banjaran Titiwangsa sebagai perbatasan dengan entiti-politik lain di Tanah Melayu. Bersandarkan *Sulalat-us-Salatin*, daerah-daerah dibentuk era Sultan Mudzaffar Shah ialah Hilir Perak ditadbir oleh baginda, Hulu Perak ditadbir oleh Tun Saban sebagai Pembesar Daerah Hulu Perak dan Selangor ditadbir oleh Tun Mahmud sebagai Pembesar Daerah Selangor.⁸ Kemudian, daerah Selangor dimansuhkan ekoran Tun Mahmud dipaksa pulang dan menundukkan taat setia kepada Johor pada 1528, mengubahkan tiga daerah kepada dua iaitu Hilir Perak dan Hulu Perak. Perkembangan daerah berlaku ketika di bawah pentadbiran Sultan Mudzaffar Shah, Sultan Perak ke-10, 1636-1653, dan Sultan Mudzaffar Shah, Sultan Perak ke-13, 1728-1752, membentuk daerah baharu dikenali sebagai Bernam dan Kuala Kangsar, bertujuan membangunkan pentadbiran dan ekonomi khususnya bijih timah pada abad ke-17 hingga abad ke-18.⁹ Sepanjang 1743-1750, terdapat peristiwa menyediakan berlaku dalam lipatan sejarah Perak, kerajaan ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Sultan Mudzaffar Shah sebagai Sultan Hulu Perak, keluasan tanah jajahan dari Pachat hingga Hulu Sungai Perak, dan Sultan Muhammad Shah sebagai Sultan Hilir Perak, keluasan tanah jajahan dari Pachat hingga Kuala Sungai Perak.¹⁰ Namun, disebabkan Sultan Muhammad Shah mengaku kalah dan memulangkan kembali tanah jajahan kepada kekandanya pada 1750, tanah jajahan Perak kembali bersatu seperti sedia kala, dan ditadbir oleh Sultan Mudzaffar Shah dan Raja Iskandar sebagai Raja Muda Perak. Kemudian, Larut membentuk sebuah daerah disandang oleh Long Jaafar sebagai Pembesar Daerah Larut pada 1848.¹¹ Daerah-daerah Perak sebelum penjajahan British merangkumi Kuala Kangsar, Hilir Perak, Hulu Perak dan Larut.

Kedah, salah sebuah kerajaan terawal di Tanah Melayu, dibentuk sekitar abad sebelum masihi, dan dikatakan mengamalkan agama Hanafi, agama diturunkan oleh Allah SWT. Kedatangan Sheikh Abdullah dari kerajaan Baghdad memberikan kesan positif kepada Raja Phra Ong Mahawangsa yang memeluk agama Islam dan memakai gelar sebagai Sultan Mudzaffar Shah pada 1136.¹² Ekoran pembentukan Perak sebagai sebuah kerajaan pada 1528, garis persempadanan perlu dilaksanakan, dan lokasinya berdasarkan lembangan Sungai Kurau-Tasek-Gunung Inas.¹³ Tarikh penetapan persempadanan ini tidak diketahui, berikut sumber primer dan sekunder yang terhad. Namun, kami mencadangkan penetapan ini berlaku pada abad ke-16, atas alasan sesebuah kerajaan memerlukan garis persempadanan yang tetap agar tidak berlaku perselisihan faham pada masa hadapan.

Patani, salah sebuah kerajaan di Tanah Melayu, sering menghadapi ancaman daripada Sukhotai, Ayutthaya dan Rattanakosin melalui “orang kanannya” Raja Ligor, dibentuk oleh Sultan Ahmad Shah sekitar pertengahan abad ke-15. Sebelum pemansuhan Melaka pada 1528, Patani merupakan salah sebuah jajahan dalam kerajaan ini, dimasukkan sekitar akhir abad ke-15, demi mendapatkan perlindungan disebabkan sering diancam oleh Ayutthaya. Berikutnya perubahan status kepada kerajaan tersendiri pada 1528, pada masa sama, pembentukan Perak sebagai sebuah kerajaan, garis persempadan perlu ditentukan, dan lokasinya adalah Lobang Gandang-Padang Limau Nipis-Gunung Jambul Merak.¹⁴ Kedua-dua kerajaan ini menggunakan pokok kekabu di Gunung Jambul Merak sebagai tanda persempadan, bunga berwarna putih adalah kepunyaan Perak manakala bunga berwarna merah pula, milik Patani.¹⁵ Tarikh penetapan persempadan ini tidak dapat disahkan, ekoran sumber primer dan sekunder yang terhad. Tetapi, kami bercadang garis persempadan ini dilaksanakan sekitar abad ke-16, atas alasan sama seperti Kedah, iaitu sebuah kerajaan memerlukan garis persempadan tetap.

Pahang, salah sebuah entiti politik di Tanah Melayu yang sealiran dengan Perak dan Johor, meneruskan kesinambungan Melaka terdahulu, diiktiraf sebagai sebuah kerajaan pada 1528 pimpinan Sultan Mahmud Shah, Sultan Pahang Pertama, 1528-1530. Status Pahang adalah sebuah jajahan dalam Melaka sejak abad ke-14 yang memakai gelar sebagai sultan dan merupakan Jajahan Kelas Pertama dalam Pentadbiran Melaka, tetapi mengalami perubahan kepada kerajaan ekoran kemangkatan dan pemansuhan Melaka pada 1528. Walaupun begitu, Pahang hanya berdiri sebagai kerajaan hingga 1615, atas alasan Sultan Abdullah Mughayat Shah, Sultan Johor Keenam, 1615-1623, mendapatkan entiti politik ini, sekali gus mengubah status kepada jajahan, dan menempatkan Raja Bujang sebagai Pembesar Jajahan Pahang. Raja Bujang, berikutan kemangkatan Sultan Abdullah Mughayat Shah di Pulau Tambelan, Kepulauan Riau, Indonesia kini, pada 1623, dilantik sebagai Sultan Johor Ketujuh bergelar Sultan Abdul Jalil Shah (1623-1677), mengukuhkan kedudukan Pahang sebagai jajahan dalam Johor, dan menempatkan bendahara sebagai Pembesar Jajahan Timur merangkumi Pahang, Terengganu dan Kelantan. Pembentukan Pahang sebagai sebuah kerajaan perlu menentukan garis persempadan dengan Perak, dan lokasinya adalah legeh-legeh yang berada di Banjaran Titiwangsa.¹⁶ Sungai-sungai mengalir ke arah Perak kepunyaan Perak, manakala sungai mengalir ke arah Pahang pula, Pahang. Tarikh tepat penentuan sempadan ini tidak diketahui, namun kami bercadang garis ini diusahakan sekitar abad ke-13 lagi.

Johor, sebuah kerajaan yang berjaya meneruskan kesinambungan Melaka terdahulu dengan mendapatkan keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu secara bertahap kecuali Kedah dan Perak, tetapi mengalami ke ambang kejatuhan pada abad ke-18, dibentuk oleh Sultan Alauddin Riayat Shah pada 1528. Baginda berselisih faham dengan Sultan Mudzaffar Shah agar Perak dimasukkan dalam Johor, tetapi ditolak pada tahun sama, atas alasan berhasrat menerajui kerajaan sendiri. Penolakan ini memberikan kesan positif kepada Sultan Mudzaffar Shah yang berjaya membentuk sebuah kerajaan baharu berdaulat di Tanah Melayu, kemudian bersaing dengan Johor. Sultan-sultan Johor memperoleh tanah jajahan secara bertahap sejak abad ke-16, hingga ke ambang kejatuhan, dimulakan oleh pembentukan Terengganu sebagai sebuah kerajaan pada 1708 disebabkan politik dalaman, dan pengiktirafan Raja Patani ke atas Tun Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu bergelar Sultan Zainal Abidin. Kemudian, jajahan-jajahan lain seperti Seri Menanti (1756), Selangor (1766) dan Kelantan (1801) membentuk sebuah kerajaan yang masing-masing ditadbir oleh Yang di-Pertuan Besar Seri Menanti, Sultan Selangor dan Sultan Kelantan. Disebabkan Pahang dan Selangor berstatus jajahan dalam Johor, persempadan Perak dengan Pahang bersandarkan legeh-legeh sungai di Banjaran Titiwangsa mengalir ke arah kerajaan masing-masing, dan Selangor ialah lembangan Sungai Selangor

hingga legeh sungai ini di Banjaran Titiwangsa, masing-masing menggunakan persempadanan ditetapkan sebelum ini.¹⁷

Selangor, salah sebuah kerajaan baharu, hasil gabungan Selangor dan Klang yang masing-masing berstatus jajahan di bawah pentadbiran Johor, diasaskan oleh Raja Lumu bergelar Sultan Salehuddin, Sultan Selangor Pertama, 1766-1782, pada 1766. Garis persempadanan terawal antara Perak dengan Klang, sebelum bergabung dengan Selangor, adalah lembangan Sungai Selangor.¹⁸ Namun, pembentukan jawatan Yang di-Pertuan Muda Johor yang berfungsi sebagai Pembesar Jajahan Barat merangkumi Seri Menanti (meliputi luak-luak Seri Menanti, Klang, Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Naning, Rembau, Hulu Muar dan Inas) dan Selangor pada 1722, mendapatkan dan memasukkan Sungai Bernam dalam kawasan Selangor pada 1728, ekoran kemenangan Daeng Marewah, Yang di-Pertuan Muda Johor Pertama, 1722-1728, yang berselisih faham dengan Sultan Mudzaffar Shah. Ekoran kemasukan tersebut, dengan pembentukan Selangor sebagai sebuah kerajaan, bagi membataskan antara entiti politik ini dengan Perak, lembangan Sungai Bernam hingga ke arah legeh di Banjaran Titiwangsa dijadikan garis persempadanan. Sultan Ibrahim, Sultan Selangor Kedua, 1782-1826, memiliki hasrat memonopoli perdagangan bijih timah di Tanah Melayu, pada masa sama, Sultan Ahmaddin Shah, Sultan Perak Ke-18, 1786-1806, melanggar perjanjian bijih timah kedua-dua kerajaan ini, memberikan peluang keemasan dan dijadikan alasan Sultan Selangor menyerang dan menjajah Perak pada 1805.¹⁹ Penjajahan ini memberikan kesan baik kepada Sultan Ibrahim berjaya memperluaskan tanah jajahan Selangor di seluruh lembangan Sungai Perak kecuali di Rantau Panjang dan Hulu Perak.²⁰ Disebabkan peperangan ini, persempadanan antara Selangor dengan Perak berubah dan tidak diketahui lokasinya. Namun, kami mencadangkan sempadan antara kedua-dua kerajaan ini adalah Sungai Kurau, atas alasan sungai ini merupakan garis persempadanan antara Perak dengan Kedah sebelum ini.²¹ Kemudian, Sultan Ibrahim memendekkan tanah jajahan baginda di Perak dengan menetapkan persempadanan dari Kuala Sungai Perak hingga Sungai Bidor hingga legeh sungai ini di Banjaran Titiwangsa sekitar 1810-an.²² Berlaku peristiwa yang memudaratkan lagi hal ehwal politik di Perak dan Selangor, dengan penyerangan dan penjajahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, Sultan Kedah Ke-22, 1803-1843, ke atas Perak pada 1818 ekoran dititahkan oleh Raja Naphalai, Raja Rattanakosin Kedua, 1809-1824.²³ Penjajahan ini memberikan kesan baik kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah yang diangkat sebagai *chao phraya* (gabenor-jeneral) sekali gus Kedah menjadi Jajahan Kelas Pertama dalam Pentadbiran Rattanakosin, dan Perak dimasukkan dalam *monthon* (jajahan) Kedah dan perlu menghantar bunga emas dan perak kepada Raja Rattanakosin sekali dalam tempoh tiga tahun. British yang menduduki Negeri-Negeri Selat sejak 1786, kurang bersetuju dengan peperangan yang berlaku di Tanah Melayu, dan tidak berhasrat Rattanakosin menyebarkan pengaruh dan penjajahan ke atas entiti-entiti politik di Tanah Melayu, berusaha mendamaikan dengan menjalinkan Perjanjian Anderson Selangor 20 Ogos 1825, Perjanjian Anderson Perak 6 September 1825, Perjanjian Ligor 1825, Perjanjian Burney 20 June 1826 dan Perjanjian Low 18 Oktober 1826.²⁴ Kesan keempat-empat perjanjian ini, persempadanan Perak dengan Selangor kembali seperti sedia kala seperti dipratikkan sejak 1728, menempatkan Sungai Bernam hingga legeh sungai ini di Banjaran Titiwangsa sebagai garis persempadanan berkuat kuasa 1825.²⁵ Selain itu, mengukuhkan kedudukan bahawa Perak bukan sebahagian dalam pentadbiran Rattanakosin, tetapi Reman mencereboh persempadanan Perak, dan diperkenankan oleh Raja-Raja Rattanakosin iaitu Raja Nangklao (1824-1851), Raja Mongkut (1851-1868) dan Raja Chulalongkorn (1868-1910) hingga menyukarkan Sultan Perak mendapatkan haknya kembali daripada tuntutan-tuntutan Rattanakosin.

Kelantan, sekiranya mengkaji latar belakang sejarah entiti politik ini adalah kompleks dan panjang, tetapi membentuk sebagai sebuah kerajaan secara daulat dan rasmi pada 1801 melalui Sultan Muhammad I, Sultan Kelantan Pertama, 1801-1835, sebagai pengasas kesultanan Kelantan moden. Sebelum membentuk sebagai sebuah kerajaan, Kelantan berstatus sebuah jajahan dalam Patani, Melaka dan Terengganu, dan terdapat entiti-entiti lain seperti Jembal dan Kubang Pasu. Kewibawaan dan kesungguhan Sultan Muhammad I berjaya menggabungkan sungai merangkumi Sungai Menara, Sungai Golok, Sungai Kelantan, Sungai Kemasin, Sungai Semarak dan Sungai Besut untuk membentuk Kelantan sebagai sebuah kerajaan di Tanah Melayu. Pembentukan kerajaan ini perlu menentukan persempadan dengan Perak, lokasinya berdasarkan legeh-legeh sungai di Banjaran Titiwangsa.²⁶ Sungai-sungai mengalir ke arah Perak dimiliki Perak, manakala sungai mengalir ke arah Kelantan pula, Kelantan. Tarikh tepat penentuan sempadan ini tidak diketahui, namun kami bercadang garis ini diusahakan sekitar abad ke-15 lagi.

Reman, salah sebuah kerajaan baharu dibentuk di Tanah Melayu pada 1810, diasaskan oleh Tuan Nik Tok Leh, Raja Reman Pertama, 1810-1836. Rattanakosin, berpusat di Bangkok dan mempunyai hasrat melebarkan tanah jajahan ke Negeri-Negeri Melayu di Segenting Kra dan Semenanjung Tanah Melayu, sering mengancam dan melancarkan serangan ke atas Patani sejak 1786 hingga dipecahkan kepada tujuh bahagian pada 1810 iaitu Patani, Nongchik, Teluban, Yala, Jambu, Legeh dan Reman, masing-masing ditadbir oleh raja-raja tersendiri, tetapi di bawah *Monthon Chao Phraya Ligor*.²⁷ Pengecilan ini bertujuan melemahkan Patani agar dapat menundukkan taat setia kepada Raja Rattanakosin pada setiap masa. Pada peringkat awal, keluasan tanah jajahan Perak meliputi Betong dalam Yala, Thailand kini, dan lokasi-lokasi di sekitar Pengkalan Hulu, salah sebuah kawasan di Perak kini, tidak dihuni oleh masyarakat Perak atau Patani, tetapi di bawah kuasa tadbir oleh Orang Besar Jajahan Hulu Perak.²⁸ Namun, disebabkan lokasi-lokasi ini seperti Kelian Intan dan Indah mempunyai hasil bumi memberangsangkan dan diperlukan pada ketika itu, iaitu bijih timah, Sultan Perak menitahkan dan mengurniakan kuasa kepada Toh Jawang bergelar Orang Kaya-Kaya Sri Adika Raja sebagai Orang Besar Jajahan Hulu Perak untuk menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah.²⁹ Kegiatan ini meningkatkan populasi yang datang bekerja dan menetap di kawasan-kawasan Pengkalan Hulu antaranya, masyarakat tempatan iaitu orang Perak, dan orang luar, kebanyakannya dari Patani. Berikutnya kawasan ini kaya dengan bijih timah dan memperkayakan Toh Lamboh, Orang Kaya-Kaya Sri Adika Raja Kelima, Tuan Nik Tok Leh berusaha mendapatkan lokasi-lokasi galian tersebut dengan meramaikan orang Patani, kemudian mengambil peluang menyerang kawasan-kawasan di sekitar Pengkalan Hulu pada 1814.³⁰ Tuan Nik Tok Leh berjaya mendapatkan kawasan-kawasan diinginkan itu, dan penyerangan dan penjajahan Kedah ke atas Perak berdasarkan titah Raja Naphalai pada 1818, memberikan peluang kepada Reman untuk memperluaskan dan memperkuuhkan tanah jajahannya hingga ke Gerik, pusat pentadbiran Orang Besar Jajahan Hulu Perak.³¹ Walaupun Perjanjian Low 1826 dan Perjanjian Burney 1826 ditermetarai, namun Reman kekal menyatakan bahawa kawasan-kawasan itu miliknya yang didapatkan melalui perang, dan perang utama membawa perubahan ialah pada 1818.³² Alasan ini mengeruhkan hubungan Perak dengan Reman dan sering berselisih faham antara satu sama lain hingga penjajahan British pada 1874. Dalam perselisihan faham ini, kadang-kala dimenangi oleh Perak menyebabkan kawasan-kawasan itu milik Perak. Kadang-kala pula, dimenangi oleh Reman, menyebabkan kawasan-kawasan ini sebahagian daripada Reman, dan berterusan hingga berjaya diselesaikan pada 1899. Persempadanan Perak dengan Patani ditentukan sejak abad ke-16 lagi, menerusi Lobang Gandang-Padang Limau Nipis-Gunung Jambul Merak. Persempadanan ini kekal digunakan oleh Reman yang membentuk sebuah kerajaan pada 1810. Namun, disebabkan perperangan yang berlaku, khususnya pada 1818, persempadanan ini mengalami perubahan

yang mengecilkan tanah jajahan Perak dan memperluaskan tanah jajahan Reman dengan menggariskan persempadan baharu menerusi Bukit Nak Sah-Benah Bujuk-Jeram Panjang.³³ Garis sempadan ini diambil oleh Rattanakosin dalam perbincangan persempadan dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang ditadbir oleh British, tetapi tidak dipersetujui oleh Sultan Yusuf, Sultan Perak Ke-27, 1886-1887, dan Sultan Idris, Sultan Perak Ke-28, 1887-1916.

Penjajahan: Transformasi Persempadan Perak dalam Tempoh Penjajahan

Perak memiliki nasib sama seperti entiti-politik lain, menghadapi perselisihan faham dalam politik dalaman, lebih-lebih lagi dari aspek pentadbiran dan ekonomi pada pertengahan abad ke-19. Rentetan Perang Larut dan Raja Abdullah berhasrat menjadi Sultan Perak, British, dengan desakan masyarakat Cina di Tanah Melayu, berusaha menjajah Perak secara tersirat melalui isi-isi kandungan dalam Perjanjian Pangkor 1874, antaranya, Residen British sebagai “Penasihat” Sultan Perak, menunjukkan bahawa Perak tidak dijajah sekiranya dilihat secara tersurat.³⁴ Dalam pentadbiran British di Perak, Majlis Mesyuarat Negeri Perak yang dibentuk pada 1877 merupakan sebuah organisasi penting untuk Sultan Perak, Raja Bergelar Perak dan Pembesar Perak berbincang antara satu sama lain dengan pegawai-pegawai British dan ketua masyarakat orang Cina di Perak.³⁵ Majlis ini memberi peluang baik kepada masyarakat Melayu sebagai ahli untuk memainkan peranan agar dapat memberikan sumbangan dalam membangunkan Perak dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi pada setiap masa. Institusi penghulu juga dititikberatkan oleh kerajaan supaya dapat membantu meningkatkan pentadbiran, populasi, ekonomi, sosial dan sosioekonomi di mukim-mukim ditetapkan, dan diiktiraf sebagai tunjang belakang pembangunan di Perak. Kemudian, jawatan orang besar jajahan kembali diperlakukan sekitar akhir abad ke-19, bertujuan membangunkan pelbagai aspek di peringkat daerah khususnya.

Perak menghadapi sebanyak tujuh kali transisi penjajahan, dan kesemuanya entiti politik ini berstatus sebuah negeri, bukan lagi kerajaan seperti diamalkan sebelum 1874. British, selain Negeri-Negeri Selat merangkumi Pulau Pinang, Singapura dan Melaka, menjajah Perak menerusi Perjanjian Pangkor 1874, dan menempatkan negeri ini sebagai Negeri-Negeri Melayu Lindungan British. Kemudian, British menggabungkan Perak termasuk Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 21 Jun 1895 berkuat kuasa 1 Julai 1896, ekoran perselisihan faham berlaku antara British dengan Pembesar Pahang sepanjang 1890-1895.³⁶ Kedua-dua tahap ini, British menempatkan Residen British Perak yang berfungsi sebagai “penasihat” Sultan Perak dan kerajaan negeri Perak. Jepun, salah sebuah negara merdeka dan berusaha menjadi empayar terkuat di Asia termasuk seluruh dunia, menyerang dan menjajah entiti-politik di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941, mendapatkan Ipoh pada 28 Disember 1941 dan memperoleh keseluruhannya pada 15 Februari 1942 hingga menyerah kalah berkuat kuasa 2 September 1945.³⁷ Parti Komunis Malaya mendapat peluang mentadbir Tanah Melayu selama 14 hari, dan menyerahkannya kepada British yang kembali pada September 1945. British mengambil kesempatan menggabungkan keseluruhan entiti politik di Tanah Melayu seperti dihasratkan pada 1930-an, melaksanakan langkah pertama melalui pembentukan Pentadbiran Tentera British pada September 1945.³⁸ Langkah terakhir, dengan dasar-dasar British yang menjadikan keseluruhan entiti politik sebagai sebuah kerajaan, turut diaplikasikan dalam Malayan Union berkuat 1 April 1946.³⁹ Namun, masyarakat Melayu menolak pentadbiran ini, ekoran kuasa Raja-Raja Melayu dihapuskan, dan British berusaha membentuk sebuah kerajaan baharu yang lebih dinamik untuk diterima oleh masyarakat tempatan. Hampir selama dua tahun berbincang dengan pemimpin masyarakat Melayu, dengan kaedah sama iaitu menggabungkan kesemua entiti

politik di Tanah Melayu, tetapi kali ini Raja-Raja Melayu kekal memiliki kuasa seperti dipraktikkan dari 1874-1942, British mengubahkan pentadbiran Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu berkuat kuasa 1 Februari 1948.⁴⁰ Untuk pentadbiran ini, demi memperkuuhkan pentadbiran dan membangunkan negeri masing-masing, kesemua kerajaan negeri memiliki Penasihat British selaku “penasihat” sultan, *ex-officio* tertinggi dalam pentadbiran merangkumi menteri besar, setiausaha kerajaan negeri, pegawai kewangan dan penasihat undang-undang, undang-undang tubuh kerajaan negeri, majlis mesyuarat negeri dan majlis mesyuarat kerajaan negeri. Sekitar 1950-an, Tunku Abdul Rahman dan para pejuang tanah air seperti Tun Haji Abdul Razak, Tun Dr. Ismail, Tun Haji Omar Ong Yoke Lin, Tun Tan Siew Seng dan Tun V. Sambathan berhasrat membebaskan Persekutuan Tanah Melayu daripada genggaman British terhadap pentadbiran dan ekonomi, berjaya dicapai melalui kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

British yang mentadbir Perak sejak 1874 mendapatkan kerjasama Sultan Perak, Raja Bergelar Perak dan Pembesar Perak untuk menyeragamkan pentadbiran daerah. Ibu negeri Perak ditempatkan di Taiping, daerah Larut, pada 1874 hingga Jepun mengubahkan ke Ipoh, daerah Kinta, pada Julai 1942.⁴¹ Daerah-daerah sebelum ini meliputi Kuala Kangsar, Hulu Perak, Hilir Perak dan Larut mengalami perubahan kepada dua daerah pada 1874 iaitu Kuala Kangsar dan Larut, atas alasan kekurangan pegawai British untuk dilantik sebagai pemungut hasil tanah/pemungut cukai dan majistret. Berikutan peningkatan populasi dan menstabilkan ekonomi, terdapat daerah-daerah yang dibentuk kembali dan baharu iaitu Kerian dan Selama (1877-1885), Kinta (1879), Hilir Perak (1879), Batang Padang (1887), Kerian (1885), Selama (1887), Hulu Perak (1888), Larut dan Kerian (1903-1911) dan Larut, Matang dan Selama (1911).⁴² Dinding, salah sebuah daerah baharu, dimasukkan kembali dalam Perak pada 16 Februari 1935, ekoran proses desentralisi dilaksanakan sejak 1920.⁴³ Penambahan Dinding sebagai sebuah daerah menjadikan Perak memiliki sebanyak lapan buah daerah.⁴⁴ Daerah-daerah ini adalah Kuala Kangsar, Hilir Perak, Hulu Perak, Larut, Matang dan Selama, Kerian, Kinta, Batang Padang dan Dinding.

Rattanakosin sering membuat kenyataan bahawa Kedah termasuk Perlis, Kelantan dan Terengganu adalah milik baginda. Keyakinan ini menurut perspektif Rattanakosin adalah tepat, tetapi berdasarkan raja-raja Melayu dan majoriti pegawai British ialah tidak tepat dan meragukan. Pada masa sama, Rattanakosin memiliki kerabat-kerabat raja berwibawa, tegas dan berpandangan jauh iaitu Raja Chulalongkorn, Raja Damrong, Menteri Dalam Kerajaan Rattanakosin, 1892-1915, dan Raja Devawongse, Menteri Luar Dalam Kerajaan Rattanakosin, 1885-1923, mempertahankan kedudukan tanah jajahannya berdasarkan pengalaman Kedah dan Perlis (pernah dijajah pada 1821, tetapi dimerdekakan pada 1843), Patani (termasuk Kelantan dan Terengganu) dan Inderapura (Pahang sebelum sebahagian Melaka) pernah berada di bawah pentadbiran Sukhotai. Kedudukan dipertahankan ini menyukarkan British mendapatkan Negeri-Negeri Melayu Utara terdiri daripada Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu termasuk Setul dan Patani untuk dijadikan milik mereka. Pelbagai perjanjian ditermetarai antaranya, memberikan kemenangan kepada British ialah Perjanjian Bangkok ditandatangani pada 10 Mac 1909 dan diratifikasi pada 9 Julai 1909, berjaya mendapatkan Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.⁴⁵ Namun, Setul dan Patani tidak berjaya didapatkan atas faktor Raja Chulalongkorn menurunkan “ego” dan berlembut hati mengurniakan tanah jajahan-jajahan dinyatakan, dan tidak berharap mengurangkan tanah jajahan baginda lagi. Konteks persempadanan antara Perak dengan Kedah, bersandarkan Perjanjian 1899 ialah Sungai Kerian hingga legeh sungai ini di Gunung Bintang.⁴⁶ Manakala Perak dengan Kelantan pula, persempadanannya adalah legeh-legeh sungai di Banjaran Titiwangsa. Sungai-sungai ke arah Perak kepunyaan Perak, manakala sungai-sungai ke arah Kelantan pula, Kelantan.⁴⁷

Selangor, salah sebuah negeri jajahan British yang sama sejarah transisi pentadbirannya dengan Perak. British yang mentadbir di Selangor sejak 1874 menetapkan bahawa persempadanan Perak dengan Selangor adalah lembangan Sungai Bernam hingga ke legeh sungai ini di Banjaran Titiwangsa. Namun, disebabkan Kapten W. B. Douglas, Residen British Selangor, 1877-1882, berpendapat bahawa daerah Bernam kurang mendatangkan hasil dan jauh dari pusat pentadbiran iaitu daerah Klang, daerah ini diserahkan kepada Perak pada Julai 1879 berkuat kuasa 30 Jun 1880.⁴⁸ Mukim Bagan Nakhoda Omar dijadikan sebagai garis persempadanan antara Perak dengan Selangor iaitu menghala ke barat laut dimiliki Perak, manakala ke arah tenggara pula, Selangor.⁴⁹ Walaupun dimasukkan dalam Perak, namun hasil-hasil ekonomi dibahagikan kepada dua bahagian, hingga Sultan Abdul Samad memohon F. A. Swettenham, Residen British Selangor, 1883-1889, memasukkan kembali Bernam sebagai sebuah daerah di Selangor. Bernam berjaya didapatkan kembali dan dijadikan salah sebuah mukim untuk daerah Kuala Selangor dan daerah Hulu Selangor berkuat kuasa 1 Oktober 1886.⁵⁰ Sabak diiktiraf sebagai mukim dalam daerah Kuala Selangor, manakala Hulu Bernam pula, diangkat sebagai mukim dalam daerah Hulu Selangor. Persempadanan Perak dengan Selangor kekal menggunakan Sungai Bernam, tetapi kali ini mukim Tanjung Malim hingga ke lembangan Sungai Perak adalah milik Perak secara rasmi.

Isu persempadanan antara Perak dengan Reman berjaya diselesaikan ketika British mentadbir entiti politik ini, dan menjalankan hubungan baik dengan Rattanakosin. Penyelesaian ini sekiranya mengutip situasi-situasi dalam lipatan sejarah Perak dan Reman adalah sukar dan kompleks. Atas alasan Raja Devawongse yang berpandangan jauh dan tegas, menyukarkan mendapatkan tanah jajahan asal Perak sejak diperlakukan pada abad ke-16. Walaupun begitu, British menjalankan penyelidikan dengan menggunakan kaedah temu bual ke atas Sultan Perak, Raja Bergelar Perak, Pembesar Perak dan masyarakat Perak dan survei di lokasi-lokasi sekitar Hulu Perak berbataskan Kedah, Reman dan Kelantan, berjaya menandatangani Perjanjian 29 November 1899.⁵¹ Perjanjian ini membentuk persempadanan baharu antara Perak dengan Reman iaitu Bukit Bintang-Kenderung-Legeh Sungai Rui-Jeram Pala-Legeh Sungai Sengo.⁵² Berdasarkan perjanjian ini, Perak memiliki tanah keluasan yang luas berbanding pada 1818, walaupun tidak sama seperti abad ke-16, perbatasan dengan Patani adalah Lobang Gandang-Padang Limau Nipis-Gunung Jambul Merak. Reman yang terbiasa berada di lokasi-lokasi tersebut, kekal menjalankan perlombongan bijih timah di Kelian Intan oleh Raja Perempuan Reman dan Toh Chawang hingga Perjanjian Bangkok ditermetarai pada Mac 1909 dan diratifikasi pada Julai 1909 menyebabkan perlombongan ini diserahkan kepada British.⁵³ Berkuat kuasa 20 Julai 1909, Wan Husein, *Amphur* Betong, menurunkan bendera Rattanakosin, dan Wan Muhammad Isa, Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, dan Wan Muhammad Saleh, Orang Kaya-Kaya Sri Adika Raja Kesepuluh, menaikkan bendara Perak, dan persempadanan Perak dengan Reman terkini ialah:

From Gunong Lang in a south-easterly direction along Bukit Peringgan, forming the Watershed between the Kapas and Sama Gaga Rivers, to Bukit Berapit on the cart-road; thence along the same ridge, here known as Dan Petai, to the pass between Sungai Agam and Sungai Tualang; thence it continues along the same ridge, dividing the streams flowing into the Kwa and Berchang rivers, which ridge curves gradually to the north-east, and divides the river flowing into the Lanka Suka and Panei Rivers, to Berapit Bukit Bertam between the Chinaha and Bunga rivers; thence along the same ridge, here known as Dan Titi Basa, dividing the rivers flowing into the Perak and Halar rivers, to Berapit Bukit Langsat between the Kijar and Halar rivers; thence along the same ridge, here known as Dan Bukit Keting, to Berapit Luar Lantei between the Meroh and Klesyi rivers; thence along the same ridge which here curves to the south and divides the rivers falling into the Perak and Telubin rivers, to Berapit Kaho

*between the Kaho and Timun rivers; thence along the same ridge to Berapit Panchor between the Panchor and Gua Mas rivers; and thence along the same ridge to a spot which divides the streams flowing into the Tado and Perak rivers.*⁵⁴

Pulau Pinang, asalnya milik Kedah, berstatus daerah ditadbir oleh Pembesar Daerah Perai. Di Pulau Pinang, terdapat sebuah komuniti Melayu lebih kurang 3,000 orang menetap di sekitar Fort Cornwallis, George Town kini, sejak 1756.⁵⁵ Atas kebenaran Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah melalui Perjanjian 1786, Francis Light, Penyelia Pulau Pinang, 1786-1794, berpeluang membuka pelabuhan di George Town, dan masyarakat Melayu diminta berpindah ke kawasan lain.⁵⁶ Ekoran Light tidak menuruti syarat-syarat dalam Perjanjian 1786, Perjanjian 20 April 1791 ditandatangani dan ditempatkan sebagai rasmi berbanding perjanjian sebelum ini, Pulau Pinang semakin kukuh di bawah Syarikat Hindia Inggeris.⁵⁷ Di Seberang Perai pula, George Leith, Leftenan-Gabenor Pulau Pinang, 1800-1804, berpeluang mendapatkan yang asal milik Kedah, melalui Perjanjian 6 Jun 1800 berkuat kuasa 1802, kawasan ini didiami oleh ramai masyarakat Melayu yang menjalankan pertanian padi dan dimasukkan dalam Pulau Pinang.⁵⁸ Ekoran Perjanjian Anderson 1825, Perjanjian Low 1826 dan Perjanjian Burney 1826, Dinding termasuk Pulau Pangkor yang merupakan salah sebuah daerah kepunyaan Perak, diserahkan kepada British atas alasan mencegah perlanungan yang berleluasa di kawasan perairan tersebut. Namun, Dinding dan Pulau Pangkor tidak diusahakan hingga Perjanjian Pangkor 1874 ditermetarai pada 20 Januari 1874, British berhasrat membangunkan kawasan ini secara bertahap. L. N. Guillemand, Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1920-1927, berhasrat menjalankan proses desentralisasi pada 1920, memberikan kesan positif kepada Sultan Perak dengan Dinding diserahkan kembali kepada Perak sebagai salah sebuah daerah berkuat kuasa 16 Februari 1935.⁵⁹ Konteks persempadanan, bersandarkan Perjanjian Pangkor 1874, antara Perak dengan Pulau Pinang ialah Sungai Chenaam.⁶⁰ Namun begitu, sebelum perjanjian ini ditermetarai, persempadan Perak dengan Pulau Pinang adalah Sungai Kurau atau Sungai Kerian berikut kawasan ini belum ditentukan dengan baik oleh Perak dan Kedah hingga mencapai persetujuan berlandaskan Perjanjian 6 Mei 1869 iaitu Sungai Kerian.⁶¹ Dalam pada itu, persempadanan Perak dengan Dinding termasuk Pulau Pangkor sejak 1826-1935 ialah Bukit Segari-Chart Sheet No. 1 Selat Melaka-Pesisir ke sebelah selatan-Pulau Katak ke sebelah barat-Pulau Katak ke sebelah timur laut dalam 5 batu-ke utara hingga Bukit Segari.⁶²

Pahang, sebelum ini merupakan salah sebuah daerah dalam Johor, tetapi mengalami perubahan status secara bertahap ekoran pelucutan jawatan Sultan Mahmud Mudzaffar Shah, Sultan Johor Terakhir, 1842-1857, pada 1857 yang kurang disenangi oleh Belanda. Antara 1857-1881, pentadbir Pahang ialah Bendahara Pahang disandang oleh Tun Ali (1857-1863), Tun Koris (1863) dan Tun Ahmad (1863-1881). Begitu juga dengan Johor, sebelum ini merupakan salah sebuah dalam Johor, mengalami perubahan sama seperti dialami oleh Pahang. Antara 1857-1885, pentadbir tertinggi Johor adalah Temenggung Johor (1862-1868), kemudian Maharaja Johor (1868-1885) yang disandang oleh Tun Abu Bakar. Disebabkan mendapatkan kepercayaan dan sokongan kuat untuk dilantik sebagai sultan, Tun Ahmad diangkat, diiktiraf dan ditabalkan sebagai Sultan Pahang pada 8 September 1881 manakala Tun Abu Bakar pula, sebagai Sultan Johor pada 11 Disember 1885. Berikut pengaruh British semakin meluas di Tanah Melayu, Pahang dimasukkan dalam pentadbiran British, perjalanan sama seperti Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Begitu juga dengan Johor, dimasukkan dalam pentadbiran British dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu pada 1909. Kemudian, kedua-dua entiti politik ini bersama-sama dalam sebuah persekutuan dalam Pentadbiran Tentera Jepun, Pentadbiran Tentera British, Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu. Konteks persempadanan, bersandarkan Perjanjian 1899, antara Perak dengan Pahang ialah legeh-legeh

sungai di Banjaran Titiwangsa, sungai-sungai mengalir ke arah Perak milik Perak, manakala sungai-sungai mengalir ke arah Pahang pula, Pahang.⁶³

Raja Damrong, salah seorang kerabat raja Rattanakosin yang berpandangan jauh dan memiliki pengalaman luas dalam bidang pentadbiran, memainkan peranan dengan cemerlang dalam menyeragamkan pentadbiran jajahan di Rattanakosin. Konteks tanah-tanah jajahan di Segenting Kra dan utara Semenanjung Tanah Melayu, sebelum ini tidak dikawal oleh satu entiti dan mengamalkan konsep *monthon* seperti Ligor dan Kedah yang memakai gelar *Chao Phraya*. Namun, kewibawaan Raja Damrong membentuk corak pentadbiran baharu di peringkat jajahan dikenali sebagai *thesaphiban* pada 1896.⁶⁴ Penguatkuasaan corak pentadbiran ini, istilah Ligor berubah kepada Nakhon Si Thammarat, memiliki kuasa kukuh ke atas Songkhla, Patani, Nongchik, Teluban, Yala, Jambu, Legeh, Reman, Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Namun begitu, Nakhon Si Thammarat kehilangan kawasan-kawasan tuntutannya iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu dimasukkan dalam pentadbiran British dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu melalui Perjanjian Anglo-Siam ditermeterai pada 10 Mac 1909 dan diratifikasi pada 9 Julai 1909.⁶⁵ Kesan perubahan istilah Rattanakosin kepada Thailand pada 1939, corak pentadbiran baharu diperkenalkan dikenali sebagai *province* atau wilayah.⁶⁶ Nakhon Si Thammarat yang sebelum ini menguasai beberapa entiti politik dinyatakan mengalami perubahan berikutan Songkhla membentuk sebagai wilayah tersendiri. Manakala Patani, Nongchik, Teluban, Legeh dan Jambu pula, dimasukkan dalam sebuah wilayah baharu dikenali sebagai Narathiwat. Dalam pada itu, Nakhon Si Thammarat kekal sebagai wilayah tersendiri dan berasingan dengan Songkla dan Narathiwat, dan tidak lagi memiliki kuasa ke atas kedua-dua entiti tersebut. Dalam konteks persempadanan Perak dengan Reman, kemudian Songkhla dan Narathiwat, persempadanan dikuatkuasakan pada 20 Julai 1909 kekal dipraktikkan pada tempoh ini.

Selepas Mencapai Kemerdekaan: Perubahan dan Penyesuaian Perak dalam Malaysia

Perak bersama-sama negeri-negeri lain dalam Persekutuan Tanah Melayu berusaha merealisasikan usaha dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman selaku Presiden United Malays National Organisation (UMNO), 1951-1971, untuk memerdekakan Tanah Melayu daripada genggaman British sejak 1955. Berdasarkan pengenalan Pilihan Raya Umum pada 27 Julai 1955, kemudian tokoh-tokoh Persekutuan Tanah Melayu yang dimenangi oleh Parti Perikatan terdiri daripada UMNO-Malaysian Chinese Association (MCA)-Malaysian Indian Congress (MIC) dipilih dan dilantik untuk menyandang jawatan dalam kabinet, dan dikenali sebagai *self-rule government*, bertujuan rakyat tempatan pelbagai kaum dapat menerajui aspek pentadbiran tanpa sebarang masalah.⁶⁷ *Self-rule government* ini dan kerjasama antara pemimpin Melayu-Cina-India, memberikan kesan positif kepada Persekutuan Tanah Melayu yang mendapat kemerdekaan secara rasmi pada 31 Ogos 1957.⁶⁸

Tunku Abdul Rahman sekali lagi menabur bakti dengan memainkan peranan dan sumbangan penting dalam lipatan sejarah Malaysia, membentuk Persekutuan Malaysia berkuat kuasa 16 September 1963, hasil gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura, tetapi keluar dari Malaysia pada 9 Ogos 1965. Kesemua entiti politik ini diperaku sebagai sebuah “negara” tersendiri sebelum pembentukan Malaysia, tetapi mengalami perubahan status kepada “negeri” menerusi keputusan dalam *Malaysia Solidarity Consultative Committee* dipengerusi oleh Tuan Haji Mohammad Fuad Stephens, berkuat kuasa perjanjian 9 September 1963 dan diperkuuhkan lagi melalui Perisytiharan Malaysia pada 16 September 1963.⁶⁹ Perak merupakan salah sebuah negeri dalam Malaysia sejak 1963, dan kekal hingga kini. Corak pentadbiran Perak termasuk negeri-negeri lain, masing-masing memiliki *ex-officio* seperti

menteri besar kecuali Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak bergelar ketua menteri, setiausaha kerajaan negeri, pegawai kewangan dan penasihat undang-undang, dewan undangan negeri, majlis mesyuarat kerajaan negeri dan parti-parti politik. Peringkat persekutuan memberi peluang baik kepada wakil-wakil negeri berkhidmat dalam Dewan Rakyat Malaysia berdasarkan parti-parti politik yang dimenangi di Malaysia.

Perak selepas mendapatkan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, kekal memiliki lapan daerah ditetapkan era pentadbiran British di Larut dan Ipoh terdahulu. Pusat pentadbiran juga kekal sama, iaitu Ipoh. Daerah-daerah ini adalah Kuala Kangsar, Kerian, Kinta, Hilir Perak, Batang Padang, Hulu Perak, Larut, Matang dan Selama, dan Dinding. Walaupun begitu, perubahan daerah tetap berlaku, bertujuan menyeragamkan pentadbiran daerah menjadi lebih bersistematik, demi membangunkan negeri dan memberikan kemudahan kepada rakyat Perak. Sultan Idris Iskandar Shah, Sultan Perak Ke-33, 1963-1984. berkenan menukar istilah Dinding kepada Manjung pada 1973, dan lapan daerah masih kekal dalam Perak.⁷⁰ Seterusnya, Sultan Idris Iskandar Shah berkenan membentuk sebuah daerah baharu dikenali sebagai Perak Tengah yang menjadi daerah kesembilan Perak pada 1979.⁷¹ Sebagai epilog, terdapat tiga buah daerah baharu dibentuk pada 2000-an, iaitu pertama, Kampar pada 23 April 2009 diperkenankan oleh Sultan Azlan Shah, Sultan Perak Ke-34, 1984-2014, dan Muallim pada 1 Oktober 2015 dan Bagan Datuk pada 15 Jun 2016, masing-masing diperkenankan oleh Sultan Nazrin Shah, Sultan Perak Ke-35, 2014-kini.⁷² Kini, terdapat 12 daerah berdiri secara daulat iaitu Kuala Kangsar, Kerian, Kinta, Hilir Perak, Batang Padang, Hulu Perak, Larut, Matang dan Selama, Manjung, Perak Tengah, Kampar, Muallim dan Bagan Datuk, dan kesemua daerah ini memiliki orang besar jajahan, dan pegawai daerah ditetapkan oleh Sultan Perak dan kerajaan negeri Perak.

Kedah, Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Pahang, kesemua negeri ini disatukan dalam Persekutuan Tanah Melayu berkuat kuasa 1 Februari 1948. Kesungguhan dan kewibawaan Tunku Abdul Rahman dan rakan-rakan seperjuangannya berjaya memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu berkuat kuasa 31 Ogos 1957 daripada genggaman British khususnya dari aspek pentadbiran, politik, ekonomi, sosial dan sosioekonomi yang memerlukan “persetujuan” British terlebih dahulu. Seterusnya, Tunku Abdul Rahman membentuk Persekutuan Malaysia berkuat kuasa 16 September 1963 dan kekal hingga kini. Untuk persempadan Perak dengan Kedah, Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Pahang masih diteruskan dan dikekalkan hingga kini, melainkan terdapat perubahan bentuk muka bumi berlaku seperti sungai-sungai yang berubah kedudukannya, bukit-bakau yang dihakis dan genting-genting yang musnah akibat bencana alam seperti banjir, hujan lebat dan tanah runtuhan.⁷³ Antaranya, Gunung Tiga Negeri merupakan persempadan tiga negeri iaitu Perak-Kelantan-Pahang. Yang menariknya, untuk menyelesaikan isu persempadan antara negeri-negeri dalam Malaysia, hanya dilaksanakan oleh rakyat sendiri menerusi keputusan secara bersepakat sesama menteri besar dan jabatan juruukur tanpa melibatkan kuasa-kuasa British lagi.⁷⁴

Thailand membentuk sebagai sebuah negara berdaulat dengan menggunakan istilah “Siam” pada 24 Jun 1932, diubah suai kepada “Thailand” berkuat kuasa 24 Jun 1939.⁷⁵ Pembentukan Thailand dan Malaysia secara daulat perlu menjalankan hubungan diplomatik, bertujuan membangunkan negara masing-masing, di samping hal ehwal persempadan dititikberatkan. Majoriti persempadan antara Thailand dengan Malaysia berjaya diselesaikan sejak awal abad ke-20 dan pertengahan abad ke-20, tetapi terdapat segelintir kawasan-kawasan yang masih lagi diperdebatkan, misalnya jajahan Jeli, Kelantan, dan memerlukan jawapan sesuai berdasarkan kajian sejarah, geografi, perhutanan dan geologi agar tidak mencetuskan perselisihan faham pada masa hadapan.⁷⁶ Kita sebagai rakyat Malaysia dan Thailand tidak berhasrat mencetuskan

perselisihan antara satu sama lain, atas alasan pengalaman sejarah sebagai sahabat dan saling hormat-menghormati. Walaupun begitu, untuk konteks persempadanan Perak dengan Thailand menerusi jajahan Songkhla dan Narathiwat, kekal digunakan bersandarkan Perjanjian 1899 dan Perjanjian 1909.

Kesimpulan

Kajian ini, dengan menggunakan Reka Bentuk Penyelidikan Bawang Saunders, mengesahkan dan membuktikan bahawa Perak memiliki persempadanan tersendiri, tetapi mengalami perubahan dari abad ke-16 hingga abad ke-20. Persempadanan Perak yang dahulunya luas, merangkumi beberapa bahagian di kawasan Yala dan Selangor kini, mengecil atas faktor-faktor tertentu seperti penaklukan, perjanjian antarabangsa dan pentadbiran penjajah British. Mengambil kira teori geopolitik menyatakan bahawa “ruang hidup” (*lebensraum*) sesuatu negara atau wilayah berkembang atau mengecil bergantung kepada kemampuan politik, ekonomi dan ketenteraan, perubahan persempadanan Perak ini sebagai respons kepada tekanan kuasa luaran dan dalaman. Menurut teori ini, kuasa politik dan ekonomi sesuatu wilayah menentukan sempadannya, dan jelas dapat dilihat ekoran Perak kehilangan kawasan kepada Yala dan Selangor akibat tekanan geopolitik diterima daripada British dan penyesuaian kepada struktur pentadbiran moden. Begitu juga penyelesaian persempadanan Perak dengan Pulau Pinang di Sungai Chenaam, Kedah di Sungai Kerian, Kelantan dan Pahang di Gunung Tiga Negeri, dan Selangor di Sungai Bernam, mencerminkan proses evolusi geopolitik dalam menjaga kestabilan dan kesinambungan tanah jajahan Perak sebagai sebahagian daripada Malaysia. Selain itu, persempadanan Perak dengan Thailand di kawasan Gunung Lang dan legeh Sungai Perak di Banjaran Titiwangsa dapat dilihat sebagai hasil hubungan diplomatik berlandaskan perjanjian antarabangsa seperti Perjanjian 1899 dan 1909. Dalam teori geopolitik, persempadanan ini adalah manifestasi bahawa kekuatan politik dan pengaruh kuasa British sebagai faktor utama dalam menetapkan sempadan negeri-negeri Melayu. Oleh itu, Perak, sebagai salah sebuah kerajaan, kemudian negeri di Semenanjung Tanah Melayu, melalui proses perubahan geopolitik yang kompleks. Proses ini bukan sahaja mencerminkan dinamik sejarah tempatan dan hubungan antarabangsa, tetapi menunjukkan kesinambungan pentadbiran dan pengaruh politik yang memelihara identiti dan kedudukan Perak dalam peta geopolitik Malaysia hingga kini.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Arkib Negara Malaysia yang menyimpan, menyedia dan memberi peluang kepada kami membuat kajian dengan baik. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah yang memberi peluang menerbitkan kajian ini.

Rujukan

A/SUK.

- Abdul Rahman Haji Ismail. 2018. Melaka dalam Tinjauan Semula Sejarah: Antara Sejarah dan Persejarahan, dlm: Abdullah Zakaria Ghazali, Abdul Rahman Haji Ismail & Zulkanain Abdul Rahman, *Melaka: Kesultanan Melayu Melaka 1262-1528 Penelitian Semula*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 1-34.
- Adnan Jusoh, Khairi Ariffin, Nabir Abdullah & Mohamad Kamal Kamarudin. 2013. Laluan Penarikan di Semenanjung Tanah Melayu: Tumpuan dari Aspek Fungsi dan Warisan Sejarah, *Prosiding Seminar Sehari Penyelidikan Fakulti Sains Kemanusiaan 2013*, 385-398.
- Ahmad Faizal Basir. 2024. Sungai Bernam dalam Konflik Sempadan Perak dan Selangor pada Abad ke-19. *Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(2), 16-26.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2017. Tun Perak dan Klang dalam *Sejarah Melayu. Purba*, 36, 68-83.
- Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria. 2022. Aspek Sejarah dalam Hikayat Merong Mahawangsa, dlm. Jelani Harun & Saifullizan Yahaya, *Hikayat Merong Mahawangsa: Karya Agung dalam Sejarah Kesultanan Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 22-39.

Berita Harian.

B/SUK.

- Cheah Boon Keng (Compiled) & Abdul Rahman Haji Ismail (Transcribed). 2010. *Sejarah Melayu: The Malay Annals*, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- CO 273, Straits Settlements Original Correspondence.
- CO 275, Straits Settlements Sessional Papers.
- CO 437, Pahang Sessional Papers.
- CO 438, Perak Sessional Papers.
- CO 467, Perak Government Gazettes.
- CO 574, Federated Malay States Government Gazettes.
- CO 576, Federated Malay States Sessional Papers.
- CO 716, Kedah and Perlis Sessional Papers.
- CO 827, Kelantan Sessional Papers.
- CO 840, Trengganu Sessional Papers.
- CO 947, Commission of Enquiry in North Borneo and Sarawak Regarding Malaysian Federation (Cobbolt Commission, 1962).
- CO 1071, Annual Reports.
- Dew, A. T. 1887. Exploring Expedition from Selama, Perak Over the Mountains to Pong, Patani, in November 1883. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 19, 105-123.
- DO 118, Agreements, Treaties and Miscellaneous Documents.
- FCO 141, Records of Former Colonial Administrations: Migrated Archives.
- FO 371, Political Departments General Correspondence from 1906-1966.
- FO 422, Confidential Print Siam and South East Asia.
- FO 628, Embassy and Consulate, Thailand (Formerly Siam) General Correspondence and Various Registers.
<Https://ptg.perak.gov.my/portal/web/seri-iskandar/info-ringkas?target=penubuhan>, Akses September 1, 2023.
<Https://ptg.perak.gov.my/portal/web/manjung/info-ringkas1>, Akses September 1, 2023.
- IOR/G/34, Factory Records Straits Settlements.
- International Boundary Study No. 57. 2012. – November 15, 1965 Malaysia – Thailand Boundary (Country Codes: MY – TH), ISIS Focus, Fair to Flourishing: Thai-Malaysia Relations in the 21st Century and Beyond: Socio-economic Cooperation in the Border Areas between Thailand and Malaysia, No. 9.
- Kobkua Suwannathat-Pian. 1995. The Provincial Administrative Reform and Islamic Legal Autonomy in South Siam, 1892-1925. *Jebat*, 23, 67-82.
- M. A. Fawzi Basri. 2016. *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, Kuantan: Penerbit Geroda Merah Press.
- Maxwell, W. E. June 1882. A Journey on Foot to the Patani Frontier in 1876 Being a Journal Kept During an Expedition Undertaken to Capture Datoh Maharaja Lela of Perak. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 9, 1-67.
- Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin. 2017. Tun Saban: Warisan dan Kaitannya dengan Salasilah Pembesar Perak. *Purba*, 36, 54-67.
- Mohd Hairy Ibrahim, Jamaluddin Md. Jahi, Abdul Samad Hadi & Khairi Ariffin. 2011. Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi sebuah Bandaraya. *Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(2), 149-166.

- N. Habibah C. R., Rahim Aman & Shahidi A. H. 2021. Kesan Persempadanan Kawasan Berdasarkan Kajian Linguistik Bandingan. *Geografi*, 17(4), 45-61.
- Nazirah Lee, Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati Wan Mat Ali, Siti Zahrah Mahfood & Mazdi Marzuki. 2021. Mukim Slim: Tapak Pelancongan Bersejarah di Perak. *Geografi*, 17(2), 191-205.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1982. Sistem Thesaphiban dan Kesannya ke atas Kedaulatan dan Kewibawaan Raja-Raja Melayu Patani. *Jebat*, 11, 17-47.
- Nizamuddin Alias & Haniff Ahamat. 2023. Sejarah Persempadanan Kelantan-Patani: Kesannya kepada Evolusi Ketamadunan Islam dan Politi Melayu Semenanjung. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(2), 117-131.
- P/HCO.
- P/PPM.
- P/SP 2.
- P. 28/86, Malaysia. Agreement Concluded between the Federation of Malaya, the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, North Borneo, Sarawak and Singapore, 9 July 1963.
- P. 138, Treaties.
- Peera Charoenvattananukul. 2022. The End of Compromise: Political Meanings of Thailand's First National Day Celebrations on 24 June 1939. *Asian Studies Review*, 46(1), 150-167.
- Pinang and Gazette and Straits Chronicle*.
- Raja Chulan ibni Raja Hamid (Karangan), Jelani Harun (Dikaji dan Diperkenalkan) & Zainal Abidin Borhan (Ketua Editor). 2015. *Hikayat Misa Melayu (Keturunan Peraturan Istiadat Segala Raja-Raja yang Kerajaan Negeri Perak)*, Kuala Lumpur: RNS Publication dan Yayasan Karyawan.
- Report of the Thirteenth Meeting of the Thailand – Malaysia Joint Steering Committee on the Development of the Golok River Basin 29-30 November 2012, Chiang Mai, Thailand.
- Tengku Aman Shah bin Tengku Khalid. 2021. Temu Bual, 11 Oktober.
- Saad M. Hashmi. July 1962. 1932 Revolution in Thailand. *India Quarterly: A Journal of International Affairs*, 18(3), 260-263.
- Sadka, E. 1962. The State Councils in Perak and Selangor, 1877-1895, in: K. G. Tregonning (Editor), *International Conference of Southeast Asian Historians*, Singapore: Journal South-East Asian History, 92-101.
- Shuwaibah binti Rasid & Shakila Yacob. 2020. British dalam Persempadanan Hulu Perak-Reman: Satu Kronologi dari Tahun 1882 hingga 1909. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, 29(1), 74-95.
- Shuwaibah Rasidi & Zulkarnain Abdul Rahman. December 2023. Permasalahan Sempadan dan Tuntutan Wilayah: Kajian Latar Belakang Hubungan dan Sejarah Awal Hulu Perak-Reman Sebelum 1882. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, 32(2), 56-80.
- Sinar Harian*.
- Singapore Chronicle and Commercial Register*.
- Singapore Free Press*.
- Singapore Standard*.
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2020. Penghijrahan Masyarakat Melayu ke Kerian, Perak (1816-1873). *Kajian Malaysia*, 38(2), 139-160.
- Spencer, G. W. 1983. *The Politics of Expansion the Chola Conquest of Sri Lanka and Sri Vijaya*, Madras: Jayalakshmi Indological Book House.
- SSR Volume F.
- SSR Volume U.
- SSR Volume V.
- Straits Budget*.
- Straits Times*.
- Syonen Shimbun*.
- ZHCI 7367/175047, Treaty between the United Kingdom and Siam. Signed at Bangkok, March 10, 1909. [Ratification Exchanged at London, July 9, 1909].

-
- ¹ Nizamuddin Alias & Haniff Ahamat. 2023. Sejarah Persempadan Kelantan-Patani: Kesannya kepada Evolusi Ketamadunan Islam dan Politi Melayu Semenanjung. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(2), 118.
- ² Ibid.
- ³ Adnan Jusoh, Khairi Ariffin, Nabir Abdullah & Mohamad Kamal Kamarudin. 2013. Laluan Penarikan di Semenanjung Tanah Melayu: Tumpuan dari Aspek Fungsi dan Warisan Sejarah, *Prosiding Seminar Sehari Penyelidikan Fakulti Sains Kemanusiaan 2013*, 385-398 dan Shuwaibah Rasidi & Zulkaini Abdul Rahman. December 2023. Permasalahan Sempadan dan Tuntutan Wilayah: Kajian Latar Belakang Hubungan dan Sejarah Awal Hulu Perak-Reman Sebelum 1882. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, 32(2), 58-59.
- ⁴ Shuwaibah binti Rasid & Shakila Yacob. 2020. British dalam Persempadan Hulu Perak-Reman: Satu Kronologi dari Tahun 1882 hingga 1909. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, 29(1), 78-90, Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2020. Penghijrahan Masyarakat Melayu ke Kerian, Perak (1816-1873). *Kajian Malaysia*, 38(2), 143-156, Nazirah Lee, Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati Wan Mat Ali, Siti Zahrah Mahfood & Mazdi Marzuki. 2021. Mukim Slim: Tapak Pelancongan Bersejarah di Perak. *Geografi*, 17(2), 196, N. Habibah C. R., Rahim Aman & Shahidi A. H. 2021. Kesan Persempadan Kawasan Berdasarkan Kajian Linguistik Bandingan. *Geografi*, 17(4), 45 dan 59, ibid, 61-73 dan Ahmad Faizal Basir. 2024. Sungai Bernam dalam Konflik Sempadan Perak dan Selangor pada Abad ke-19. *Munysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(2), 21-22
- ⁵ Ibid, ibid, ibid, 59-61 dan ibid, 22-23.
- ⁶ Mohd Hairy Ibrahim, Jamaluddin Md. Jahi, Abdul Samad Hadi & Khairi Ariffin. 2011. Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi Sebuah Bandaraya. *Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(2), 159-164.
- ⁷ Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin. 2017. Tun Saban: Warisan dan Kaitannya dengan Salasilah Pembesar Perak. *Purba*, 36, 54.
- ⁸ Cheah Boon Keng (Compiled) & Abdul Rahman Haji Ismail (Transcribed). 2010. *Sejarah Melayu: The Malay Annals*, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 299 dan 302-303.
- ⁹ Raja Chulan ibni Raja Hamid (Karangan), Jelani Harun (Dikaji dan Diperkenalkan) & Zainal Abidin Borhan (Ketua Editor). 2015. *Hikayat Misa Melayu (Keturunan Peraturan Istiadat Segala Raja-Raja yang Kerajaan Negeri Perak)*, Kuala Lumpur: RNS Publication dan Yayasan Karyawan, 6-7.
- ¹⁰ Ibid, 8.
- ¹¹ M. A. Fawzi Basri. 2016. *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, Kuantan: Penerbit Geroda Merah Press, 49.
- ¹² Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria. 2022. Aspek Sejarah dalam Hikayat Merong Mahawangsa, dlm. Jelani Harun & Saifullizan Yahaya, *Hikayat Merong Mahawangsa: Karya Agung dalam Sejarah Kesultanan Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 30.
- ¹³ *Singapore Chronicle and Commercial Register*, Malay Peninsula, 24 May 1832, Arthur T. Dew. 1887. Exploring Expedition from Selama, Perak Over the Mountains to Pong, Patani, in November 1883. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 120 dan P/HCO H. C. O. No. Perak 1609/1911/1, Perak-Kedah Boundary at Tasek, 22 September 1911.
- ¹⁴ W. E. Maxwell. June 1882. A Journey on Foot to the Patani Frontier in 1876 Being a Journal Kept During an Expedition Undertaken to Capture Datoh Maharaja Lela of Perak. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 9, 87, CO 273/122/18175, Short Memorandum on the Question of the Perak Patani Boundary for the Information of His Excellency the Commissioner of His Majesty the King of Siam Phya Pechai Emkram Chow Kron-a-Saronsai, by Hugh Low, H. B. M. Resident in Perak, 25 August 1883 dan CO 273/122/18175, Abstract of Points to be Borne in Mind in Discussing the Question of the Boundary between the State of Perak and Reman, for the Use of His Excellency the Governor by Hugh Low, Resident, 26 August 1883.
- ¹⁵ W. E. Maxwell. June 1882. A Journey on Foot to the Patani Frontier in 1876 Being a Journal Kept During an Expedition Undertaken to Capture Datoh Maharaja Lela of Perak. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 86.
- ¹⁶ Arthur T. Dew. 1887. Exploring Expedition from Selama, Perak Over the Mountains to Pong, Patani, in November 1883. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 120 dan CO 273/264/9805, Agreement Signed November 29, 1899.
- ¹⁷ B/SUK 100/83, Kenyataan Dato' Ungku Klang Kaluk, 1883, B/SUK KL 2452/86, Kenyataan Dato' Ungku Kaluk, 18 Disember 1886, Arthur T. Dew. 1887. Exploring Expedition from Selama, Perak Over the Mountains to Pong, Patani, in November 1883. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 120 dan CO 273/264/9805, Agreement Signed November 29, 1899.
- ¹⁸ B/SUK 100/83, Kenyataan Dato' Ungku Klang Kaluk, 1883 dan B/SUK KL 2452/86, Kenyataan Dato' Ungku Kaluk, 18 Disember 1886.
- ¹⁹ SSR F. 4, Translation of a Statement Chief of Perak Country to the Chao Phya of Ligore, 6 June 1825.
- ²⁰ SSR F. 4, Translation of a Statement Chief of Perak Country to the Chao Phya of Ligore, 6 June 1825.

²¹ Ibid.

²² SSR F. 4, Translation of a Statement Chief of Perak Country to the Chao Phya of Ligore, 6 June 1825.

²³ SSR F. 1, the Rajah of Kedah to the Governor, 10 March 1818, SSR F. 1, the Rajah of Kedah to the Governor, 12 September 1818, SSR U. 8, S. G. Bonham to the Resident Councillors of Pulo Penang, 24 Ogos 1842, dan SSR V. 1, Translation of a Letter from the Chow Phya of Ligore to the King of Kedah, October 1825.

²⁴ P. 138, Treaty with Perak 1825, P. 138, Captain Burneys Treaty with Siam of 1826 Articles 3 and 10, Articles 12 and 13, and Article 14, P. 138, Treaty with Perak 1826, No. 1, P. 138, Treaty with Perak 1826, No. 2.

²⁵ P. 138, Treaty with Perak 1825 dan Tengku Aman Shah bin Tengku Khalid. 2021. Temu Bual, 11 Oktober.

²⁶ CO 273/264/9805, Agreement Signed November 29, 1899.

²⁷ FO 422/12/1, Consul-General Satow to Earl Granville, 23 January 1885, FO 422/13/2, W. H. Read to Sir J. Pauncefote, 6 March 1886, FO 422/21/4, Governor Sir C. Smith to Lord Knutsford, 3 December 1888 dan FO 422/30/Inclosure 1 in No.5, Acting Governor Sir F. Dickson to Lord Knutsford, 28 October 1890.

²⁸ CO 273/122/18175, Abstract of Points to be Borne in Mind in Discussing the Question of the Boundary between the State of Perak and Reman, for the Use of His Excellency the Governor by Hugh Low, Resident, 26 August 1883.

²⁹ CO 273/122/18175, Abstract of Points to be Borne in Mind in Discussing the Question of the Boundary between the State of Perak and Reman, for the Use of His Excellency the Governor by Hugh Low, Resident, 26 August 1883 dan W. E. Maxwell. June 1882. A Journey on Foot to the Patani Frontier in 1876 Being a Journal Kept During an Expedition Undertaken to Capture Datoh Maharaja Lela of Perak. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 87.

³⁰ CO 273/122/18175, Short Memorandum on the Question of the Perak Patani Boundary for the Information of His Excellency the Commissioner of His Majesty the King of Siam Phya Pechai Emgkram Chow Kron-a-Saronsai, by Hugh Low, H. B. M. Resident in Perak, 25 August 1883.

³¹ CO 273/122/18175, Abstract of Points to be Borne in Mind in Discussing the Question of the Boundary between the State of Perak and Reman, for the Use of His Excellency the Governor by Hugh Low, Resident, 26 August 1883.

³² CO 273/122/18175, Abstract of Points to be Borne in Mind in Discussing the Question of the Boundary between the State of Perak and Reman, for the Use of His Excellency the Governor by Hugh Low, Resident, 26 August 1883.

³³ CO 273/122/18175, Abstract of Points to be Borne in Mind in Discussing the Question of the Boundary between the State of Perak and Reman, for the Use of His Excellency the Governor by Hugh Low, Resident, 26 August 1883.

³⁴ P. 138, Engagement Entered into by the Chiefs of Perak at Pulo Pangkor, Dated 20th January, 1874.

³⁵ CO 275/22, Report by His Excellency the Governor on the Financial Condition and Prospects of the Protected Native States, 1877 dan Emily Sadka. 1962. The State Councils in Perak and Selangor, 1877-1895, in: K. G. Tregonning (Editor), *International Conference of Southeast Asian Historians*, Singapore: Journal South-East Asian History, 92-101.

³⁶ Rujuk Laporan Tahunan Pahang 1890-1895 di bawah sumber CO 437/1 yang terdapat di Arkib Negara Malaysia dan the National Archives of the United Kingdom dan CO 576/1, Report by the Resident-General of the Federated Malay States to His Excellency the High Commissioner (Sir C. B. H. Mitchell), 1896.

³⁷ *Syonan Shimbun*, New Ipoh Observes First Birthday, 29 December 1942 dan CO 576/74, Annual Report on the Malayan Union for 1946.

³⁸ *Straits Times*, British Military Administration, Malaya, 7 September 1945 dan CO 574/88/1/1/1, A Proclamations and Notices under Proclamations, 1 November 1945.

³⁹ CO 576/76, Annual Report on the Malayan Union 1947 and *Indian Daily Mail*, Civil Government from Today, 1 April 1946.

⁴⁰ DO 118/298, The Federation of Malaya Agreement 1948 dan *Straits Times*, Federation Day Hopes, 1 February 1948.

⁴¹ CO 273/264/27747, Stringer to the Marquess of Salisbury, 3 July 1900, *Straits Budget*, Perak's Capital, 28 February 1935, *Pinang and Gazette and Straits Chronicle*, Taipeng and Perak State Capital, 26 March 1935, dan *Syonan Shimbun*, Progressive Perak's New Governor Interviewed, 26 June 1944.

⁴² CO 275/21/4, Memorandum on the Financial Condition of the Native States of Perak, Salangore, and Sungei Ujong, 1875-1876, CO 275/22/14, The Receipts and Expenditure of the State of Perak for the Year 1877, CO 275/24/14, Report on the Revenue and Expenditure of the State of Perak, for the Year 1879, CO 275/24/15, Report on the Revenue and Expenditure of the State of Selangor, for the Year 1879, CO 275/25/37, Progress of the Protected Native States during 1880, CO 275/27/27, Report on the Revenue and Expenditure of the State of Perak, for the Year 1881, CO 275/29/10, Report on the Revenue and Expenditure of the State of Perak, for the Year 1883, CO 275/30/31, Annual Report on the State of Perak, for the Year 1884, CO 275/31/27, Annual Report on the State of Perak, for the Year 1885, CO 275/32, Annual Report on the State of Perak, for the Year 1886, CO 275/32, Annual Report on the State of Selangor, for the Year 1886, CO 275/33, Annual Report on the State of

Perak, for the Year 1887, CO 275/35, Annual Report on the State of Perak, for the Year 1888, A/SUK 3, Government of Perak. List of Establishments, 1892, A/SUK 3/1057, State of Perak. List of Establishment, 1902, P/PPM 12/580, State of Perak. List of Establishment 1913 dan A/SUK 3, State of Perak. List of Establishments 1923.

⁴³ CO 1071/253, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the Year 1935.

⁴⁴ CO 1071/253, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the Year 1938 dan A/SUK 3/6, Dai Nippon Military Administration. Perak Shu Seityo Establishment List November, 2602.

⁴⁵ ZHCI 7367/175047, Treaty between the United Kingdom and Siam. Signed at Bangkok, March 10, 1909. [Ratification Exchanged at London, July 9, 1909], CO 716/1, The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1327 A. H. (23rd January, 1909-12th January, 1910), CO 827/1, Kelantan Administration Report for the Year 1327 A. H. (23rd January, 1909-12th January, 1910.) dan CO 840/1, Trengganu Annual Report for the Year 1910.

⁴⁶ CO 273/264/1458, Mr. Greville to the Marquess of Salisbury, 25 November 1899 dan *Berita Harian*, Kerian Menjadi Titik Sempadan Perak, Kedah, Pulau Pinang, 16 Oktober 2016.

⁴⁷ CO 273/264/9805, Agreement Signed November 29, 1899.

⁴⁸ CO 275/24, Report on the Revenue and Expenditure of the State of Selangor for the Year 1879 dan CO 275/25, Progress of the Protected Native States During 1880.

⁴⁹ B/SUK 13/80, Miscellaneous 1880.

⁵⁰ B/SUK CS 2088/86, Transmits Copy a Minute of the Perak State Council With Reference to the Giving Over of the South Bank of the Bernam River to Selangor dan B/SUK KL 1849/86, Estimates of Revenue and Expenditure for 1887.

⁵¹ CO 273/264/1333, Francis O. Sertic to the Under Secretary of State, Colonial Office, 11 January 1900.

⁵² CO 273/264/1333, The Anglo-Siamese Boundary Agreement, 29 November 1899.

⁵³ FCO 141/15743, Minutes, February 1905, CO 467/20, Report on the Upper Perak District for the Year 1907, P/SP 2/165/10, Perak Administration Report for the Year 1909 dan CO 576/4, Resident-General's Annual Report, 1909.

⁵⁴ CO 438/3, Perak Administration Report for the Year 1909.

⁵⁵ IOR G/34/1, Penang or Prince of Wale's Island by A. Kyd, Captain of Engineer, 1 September 1787.

⁵⁶ P. 138, Agreement with the King of Quedah, for the Cession of Prince of Wales' Island in 1786.

⁵⁷ P. 138, Treaty with the King of Quedah, 1791.

⁵⁸ P. 138, Treaty with the King of Quedah, 1800. Confirmed 1802, IOR G/34/1, Francis Light to the Hon'ble John Macpherson, 25 January 1786 dan IOR G/34/1, Extract from Sir G. Leiths Book, Without Date [1800].

⁵⁹ CO 438/5, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the Year 1935.

⁶⁰ P. 138, Engagement Entered into by the Chiefs of Perak at Pulo Pangkor, Dated 20th January, 1874.

⁶¹ Arthur T. Dew. 1887. Exploring Expedition from Selama, Perak Over the Mountains to Pong, Patani, in November 1883. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 120 dan P. 138, Treaty with Siam of 6th May 1869 Relative to the British Engagement with Quedah.

⁶² P. 138, Engagement Entered into by the Chiefs of Perak at Pulo Pangkor, Dated 20th January, 1874.

⁶³ CO 273/264/9805, Agreement Signed November 29, 1899 dan CO 576/62, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1938.

⁶⁴ Nik Anuar Nik Mahmud. 1982. Sistem Thesaphiban dan Kesannya ke atas Kedaulatan dan Kewibawaan Raja-Raja Melayu Patani. *Jebat*, 11, 18 dan Kobkua Suwannathat-Pian. 1995. The Provincial Administrative Reform and Islamic Legal Autonomy in South Siam, 1892-1925. *Jebat*, 23, 68.

⁶⁵ FO 628/31/175110, Minutes, 26 January 1912 dan FO 371/1751/42, Siam. Annual Report, 1912.

⁶⁶ Saad M. Hashmi. July 1962. 1932 Revolution in Thailand. *India Quarterly: A Journal of International Affairs*, 18(3), 260-263.

⁶⁷ *Singapore Free Press*, Alliance Now Leading 33-1, 28 July 1955.

⁶⁸ *Singapore Standard*, Merdeka! Malaya!, 31 August 1957.

⁶⁹ CO 947/1, Malaysia Solidarity Consultative Committee Memorandum on Malaysia, Without Date, CO 947/8, Minutes of the Meeting of the Malaysia Solidarity Consultative Committee Held at the Secretariat Conference Room, Jesselton, at 9.15 A. M. on Thursday, 24th August, 1961, P. 28/86, Malaysia. Agreement Concluded between the Federation of Malaya, the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, North Borneo, Sarawak and Singapore, 9 July 1963 dan *Straits Times*, Malaysia is Born, 16 September 1963, hlm. 10.

⁷⁰ <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/manjung/info-ringkas1>, Akses September 1, 2023.

⁷¹ <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/seri-iskandar/info-ringkas?target=penubuhan>, Akses September 1, 2023.

⁷² *Sinar Harian*, Panorama Perak – Kampar sebagai Sebuah Daerah, 21 Mei 2009, *Berita Harian*, Muallim Rasmi Menjadi Daerah ke-11 di Perak, 11 Januari 2016, *Sinar Harian*, Bagan Datoh Daerah Ke-12, 19 Julai 2016, *Mstar*, Bagan Datoh Kini Daerah Baharu di Perak, 24 Julai 2016, dan *Berita Harian*, Ejaan Nama Daerah Bagan Datoh Ditukar kepada Bagan Datuk, 29 Disember 2016.

⁷³ CO 273/264/9805, Agreement Signed November 29, 1899 dan CO 576/62, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1938.

⁷⁴ *Sinar Harian*, Peta Sempadan antara Negeri Sedang Dikemas Kini, 23 November 2018 dan *Sinar Harian*, Kelantan, Terengganu Meterai Perjanjian Sempadan Darat, 20 Jun 2019

⁷⁵ Peera Charoenvattananukul. 2022. The End of Compromise: Political Meanings of Thailand's First National Day Celebrations on 24 June 1939. *Asian Studies Review*, 46(1), 150-167.

⁷⁶ FCO 141/16136, Paraphrase of Telegram to Foreign Office, from Mr. Peel, Bangkok, May 17th, 1912, CO 273/400, Anglo Siamese Boundary Report, 11 September 1913, International Boundary Study No. 57. 2012. – November 15, 1965 Malaysia – Thailand Boundary (Country Codes: MY – TH), ISIS Focus, Fair to Flourishing: Thai-Malaysia Relations in the 21st Century and Beyond: Socio-economic Cooperation in the Border Areas between Thailand and Malaysia, No. 9 dan Report of the Thirteenth Meeting of the Thailand – Malaysia Joint Steering Committee on the Development of the Golok River Basin 29-30 November 2012, Chiang Mai, Thailand.